

## **Perkara: Bayaran Insentif Penerbitan Tahun 2021**

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak fakulti bersetuju untuk membayar insentif penerbitan kepada **staf akademik FSG Shah Alam**.

Bayaran insentif penerbitan bertujuan untuk mengalakkan lebih penulisan dan penerbitan dalam jurnal yang berimpak tinggi.

Insentif penerbitan yang diluluskan adalah seperti berikut:

1. RM 500 untuk 1 penerbitan dalam Jurnal Q1/Q2
2. RM 400 untuk 1 penerbitan buku penyelidikan (penerbit yang berdaftar dengan badan beriktiraf seperti MAPIM atau penerbit terkemuka antarabangsa)
3. RM 100 untuk 1 penerbitan dalam Jurnal Q3/Q4
4. RM 50 untuk 1 penerbitan dalam bab dalam buku penyelidikan / jurnal tidak berkuatilah tetapi berindeks SCOPUS/WoS/ERA / proceedings berindeks SCOPUS/WoS/ERA
5. Tambahan RM 50 untuk 1 penerbitan untuk penerbitan dalam Q1/Q2/ buku penyelidikan yang ditulis bersama dengan rakan industri atau universiti luar (kebangsaan atau antarabangsa) \*terhad kepada RM300 per penulis

### **Pelaksanaan bayaran insentif penerbitan:**

1. **Tempoh penerbitan** yang diambil kira: **1 Januari 2021 – 31 Disember 2021 sahaja.**
2. **HANYA staf akademik FSG Shah Alam** yang layak memohon bayaran insentif penerbitan.
3. Pelajar pascasiswazah FSG Shah Alam TIDAK LAYAK memohon bayaran insentif penerbitan.
4. Hanya hasil penerbitan yang didaftarkan di dalam **PRISMA** akan diambil kira.
5. Permohonan untuk Journal dan Buku Penyelidikan menggunakan borang yang berbeza. Rujuk capaian untuk borang <https://riafsg.uitm.edu.my/research-support/>
6. Satu borang sah untuk satu permohonan sahaja.
7. Bayaran hanya akan diberi kepada **SATU (1) penulis FSG Shah Alam untuk SATU (1) penerbitan yang sama.**
8. Permohonan dibuka untuk semua kategori penulis, termasuk Penulis Bersama/Co Author
9. Untuk penerbitan yang melibatkan >1 penulis dari FSG Shah Alam. **Keutamaan** akan diberikan kepada **penulis utama** diikuti dengan **corresponding author**.
10. “How to Check Q Rank in Publication Using Scopus” boleh dicapai di [https://drive.google.com/file/d/156oBeT3DLWRKqZHCEYUMi6rOv5x\\_F8YM/view?usp=sharing](https://drive.google.com/file/d/156oBeT3DLWRKqZHCEYUMi6rOv5x_F8YM/view?usp=sharing)
11. **Tempoh permohonan** bayaran insentif penerbitan: **20 Dec 2021 – 20 Jan 2022.**
12. Permohonan selepas 20 Jan 2022 tidak akan diterima.